

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**SWM KASIH: MISI SAMPUL MERAH MENCERIAKAN 25 ORANG WARGA PUSAT KANAK-KANAK
TERENCAT AKAL BAHAGIA, KLEBANG KECIL**

MELAKA, 22 JANUARI 2020: Sempena perayaan Tahun Baru Cina tidak lama lagi, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) Melaka berkongsi keceriaan bersama 25 orang warga Pusat Kanak-Kanak Terencat Akal Bahagia, Klebang Kecil melalui program Misi Sampul Merah, hari ini.

Prihatin Terhadap Golongan Kurang Bernasib Baik

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, program amal ini diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak melupakan golongan kurang bernasib baik dalam kegembiraan meraikan Tahun Baru Cina.

"Pihak syarikat amat prihatin dengan keadaan kanak-kanak istimewa dan golongan yang kurang bernasib baik. Melalui program mendekati masyarakat ini, sekurang-kurangnya mereka tahu bahawa masih ada pihak yang mengambil berat terhadap kebajikan mereka. Sumbangan yang diberikan diharap dapat membantu meringankan beban Pusat Kanak-kanak Terencat Akal Bahagia untuk menjaga anak-anak istimewa ini," tambah beliau lagi.

Turut serta dalam program tersebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Gue Teck dan Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan SWM Environment, Dr. Al' Ashari Othman.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Misi Sampul Merah adalah sebahagian daripada aktiviti SWM Kasih iaitu entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR) SWM Environment yang bertujuan meraikan dan menceriaikan golongan kurang bernasib baik sempena menyambut Tahun Baru Cina pada 25 dan 26 Januari ini.

Program dimulakan dengan aktiviti gotong-royong oleh pekerja operasi SWM Environment bagi membersihkan keadaan persekitaran Pusat Kanak-kanak Terencat Akal Bahagia. Pihak SWM Environment turut memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan harian, buah limau dan 'angpau' di samping meluangkan masa beramah-mesra dengan kanak-kanak di pusat tersebut.

Bagi menyemarakkan lagi suasana majlis, pihak SWM Environment tidak ketinggalan mengadakan acara menggaul Yee Sang dan persembahan tarian singa yang menjadi tradisi turun-temurun.

Pupuk Kesedaran Masyarakat

Bersempena dengan musim perayaan ini juga, orang ramai digalakkan untuk mempratikkan amalan Pengasingan Sisa Di Punca serta pembudayaan amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*).

Untuk makluman orang awam, aktiviti kitar semula SWM Environment telah melangkah setapak ke hadapan melalui program KITAR3cycle, iaitu sistem ganjaran kepada orang awam yang melakukan amalan kitar semula. Pihak SWM Environment sentiasa komited untuk memupuk kesedaran masyarakat melalui kempen kitar semula di samping mempromosikan aktiviti KITAR3cycle ini.

Pihak SWM Environment juga akan meneruskan operasi kutipan sisa dan pembersihan awam seperti yang dijadualkan mengikut kaedah Sistem Kutipan 2 kali seminggu untuk sisa isi rumah dan 1 kali seminggu untuk bahan kitar semula, sampah pukal serta sisa kebun.

Orang awam yang mempunyai sebarang aduan atau pertanyaan diminta menghubungi Talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau kongsi aduan beserta gambar dan lokasi di talian *WhatsApp* SWM Environment di **012-618 0082** yang akan beroperasi seperti biasa semasa sambutan Tahun Baru Cina.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1997 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.98 juta orang bagi liputan geografi 27,400 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran, KITAR3CYCLE di tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem elektronik pembayaran (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE dari *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250, Melaka.

Tel : 06-3350116

Faks : 06-3350117

Email : wah.ramli@swmsb.com